

Jalur Gemilang untuk dikibar bukan dipakai

BIHARIAN MS 7 4/9/2019

Jalur Gemilang ialah simbol yang sangat penting kepada sesebuah negara dan rakyatnya. Sesuai dengan kedudukannya yang memberi nilai kedaulatan, sebagai lambang maruah dan jati diri rakyat sesebuah negara, kaedah dan cara penggunaan bendera mestilah dititikberatkan.

Apabila pelbagai pihak menzahirkan rasa kerisauan susulan kempen mengibarkan bendera dikatakan kurang mendapat sambutan, ramai pihak lain pula yang membuat inisiatif menganjurkan pertandingan busana tercantik bertemakan Jalur Gemilang.

Usaha ini bukan sahaja menyemarakkan semangat cinta negara serta rasa berbang-

ga dengan lambang negara dan kemakmurannya, ia turut mencetuskan pemikiran kreativiti dan inovasi dalam kalangan reka bentuk busana peserta, khususnya ibu bapa dan pelajar sekolah.

Namun, masih ramai yang tidak sedar bahawa bendera tidak boleh dipotong, digunting dan diubah mengikut citarasa si pereka busana. Perbuatan sebegini menghina bendera negara kita.

Saya ingin mencadangkan penganjur pertandingan busana kreatif bertemakan kemerdekaan supaya tidak membenarkan bendera Malaysia dipotong-potong dan diolah menjadi busana.


Ini perlu dititikberatkan dalam syarat pertandingan.

Cukuplah sekadar menggunakan warna bendera sebagai asas kepada reka cipta busana, di samping mengibarkan bendera yang sebenar di atas pentas peragaan.

Usaha mengangkat nilai bendera kita ini sangat penting dan harus dititikberatkan oleh semua golongan terutamanya di peringkat sekolah kerana di sinilah mereka belajar akan adab dan hormat kepada lambang negara kita.

Kita harus sedar bahawa dengan perkembangan teknologi hari ini, dunia juga memandang bagaimana kita memupuk kesedaran ini dalam kalangan kanak-kanak sejak mereka kecil.

Bendera yang dikibarkan

 Saya ingin mencadangkan penganjur pertandingan busana kreatif bertemakan kemerdekaan supaya tidak membenarkan bendera Malaysia dipotong-potong dan diolah menjadi busana.

mempunyai aura tersendiri, ia melambangkan kedaulatan negara yang seharusnya aura ini diserap dalam jiwa setiap rakyat Malaysia.

Siti Hajar Abd Aziz,
Pensyarah Kanan Fakulti
Komunikasi & Pengajian Media,
Universiti Teknologi MARA
(UiTM), Melaka